

Pakatan akan 'pujuk' ahli Parlimen BN sokong tubuh IPCMC
Malaysian Insider
June 3, 2013
Oleh Mohd Farhan Darwis

PETALING JAYA, 3 Jun — Pakatan Rakyat (PR) hari ini menyatakan hasrat membentuk satu jawatankuasa khas yang bertanggungjawab bagi mendapatkan sokongan persetujuan ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) dan PR untuk menyokong penubuhan Suruhanjaya Aduan dan Tingkah Laku Polis (IPCMC).

Penasihat DAP, Lim Kit Siang ketika sidang media di Ibu Pejabat PKR di sini berkata, bagi memenuhi hasrat mereka, PR akan mengemukakan cadangan mereka itu kepada wakil rakyat BN yang menyokong penubuhan IPCMC, bagi membolehkan mereka mendapat sokongan majoriti mudah di Parlimen untuk meneruskan hasrat mereka.

Jawatankuasa itu jelas Lim akan merangkumi dua wakil ahli Parlimen daripada parti komponen PR, iaitu PAS, DAP, PKR, dan akan menemui ahli Parlimen BN bagi menyuarakan hasrat mereka.

"IPCMC adalah agenda kita di Parlimen yang akan bersidang pada 24 Jun," kata Penasihat DAP itu kepada pemberita di sini.

"Kita tubuh satu jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk kemuka satu usul atau rang undang-undang tubuh IPCMC, tapi kita mahu dapatkan cukup MP utk sokong cadangan ini, kita ada 89 ahli Parlimen, kita nak 23 lagi supaya IPCMC boleh diluluskan," katanya.

Menurut Lim, jawatankuasa itu akan mendapatkan empat ahli Parlimen MIC yang sebelum ini menurutnya telah menyuarakan keperluan untuk menubuhkan IPCMC.

Seterusnya, beliau berkata PR akan turut mendapatkan persetujuan daripada tujuh ahli Parlimen MCA, yang mana pihaknya hanya akan memerlukan baki 12 sahaja lagi wakil rakyat BN bagi merealisasikan hasrat mereka itu.

"Ahli Parlimen BN yang prihatin dalam perkara ini boleh beri sokongan supaya isu ini akhirnya boleh dapat penyelesaian," katanya.

Kes kematian dalam lokap menjadi tajuk utama sejak minggu lalu, dengan terbaru, kes kematian jurutera, P Karuna Nithi menjadikan tiga kes kematian dalam lokap polis dalam masa 11 hari.

PR juga turut menggesa ditubuhkan IPCMC bagi menyiasat kes berkenaan, sebaliknya Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi mengatakan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) akan menjalankan siasatan selari dengan Jawatankuasa Khas bagi menyiasat kematian N. Dharmendran.

Kumpulan Hak Asasi Manusia, Suaram berdasarkan statistik mereka merekodkan 218 kes kematian dalam tahanan polis sejak 2000, dengan sembilan daripadanya pada 2012, dan sehingga Jun, enam kes direkodkan, termasuk kes baru di Tampin.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-akan-pujuk-ahli-parlimen-bn-s>

okong-tubuh-ipcmc/